

UNTUK EDARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
TAHUN 2021 SESI KEDUA**

Lembaga Peperiksaan (LP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), Ujian Amali Sains dan Ujian Bertulis peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2021 sesi kedua akan dilaksanakan pada **5 April hingga 19 Mei 2022**.

Peperiksaan SPM tahun 2021 sesi kedua ini dilaksanakan bagi calon yang tidak dapat menduduki Ujian Bertutur dan Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris), Ujian Amali Sains dan Ujian Bertulis yang telah dilaksanakan pada 8 Februari hingga 29 Mac 2022 yang lalu. Calon tersebut adalah yang disahkan positif COVID-19, perlu menjalani tempoh kuarantin seperti yang diarahkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), calon yang terkesan akibat banjir atau kes-kes khas yang mendapat kelulusan Pengarah Peperiksaan.

LP ingin mengingatkan semua calon yang terlibat dengan peperiksaan SPM tahun 2021 sesi kedua untuk menyemak, mengesahkan dan mencetak **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** yang mengandungi

maklumat pusat peperiksaan yang ditetapkan, tarikh, masa, kod dan kertas peperiksaan mulai **1 April 2022**. Semua maklumat tersebut boleh didapati melalui pautan <https://elp.moe.gov.my> atau melalui aplikasi mobile e-Lembaga Peperiksaan yang boleh dimuat turun melalui *Google Play Store*.

Jadual waktu peperiksaan SPM tahun 2021 sesi kedua serta arahan yang perlu dipatuhi semasa peperiksaan berlangsung boleh dimuat turun dari portal rasmi LP di <http://lp.moe.gov.my> juga pada 1 April 2022. Secara umumnya tarikh peperiksaan SPM tahun 2021 sesi kedua adalah seperti di **Lampiran**.

Calon juga diingatkan supaya membawa **dokumen pengenalan diri** dan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** yang dicetak ke pusat peperiksaan. Calon juga hendaklah mematuhi **Garis Panduan Pengurusan Pentaksiran Pusat dan Peperiksaan Awam** yang terkandung dalam **Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM** serta prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan KKM. Ketetapan ini adalah bagi memastikan kelancaran pengurusan peperiksaan dan pencegahan penularan wabak COVID-19. Garis panduan tersebut boleh dimuat turun dari portal rasmi KPM di <https://www.moe.gov.my>

– TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
26 MAC 2022

LAMPIRAN

TARIKH PEPERIKSAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) TAHUN 2021 SESI KEDUA

Perkara	Tarikh
Ujian Bertutur Bahasa Melayu	5 April 2022
Ujian Bertutur Bahasa Inggeris	6 April 2022
Ujian Mendengar (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris)	7 April 2022 (Pagi)
Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa	7 April 2022 (Petang)
Ujian Bertulis	11 April – 18 Mei 2022 (15 hari pelaksanaan)
Ujian Amali Sains	19 Mei 2022